

Buletin **KERJA RAYA**

Edisi September - Oktober 2012 | ISSN : 1985-4595 | www.kkr.gov.my

**21,000 CERUN
BERISIKO
DIKENAL
PASTI!**

**PERSIMPANGAN
SG. BUAYA
SIAP JUN 2013**

Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg. Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarang

En. Devaraj Subramaniam

Pengarang

En. Mohd Rizal bin Hashim
En. Fauzi bin Baharudin
Pn. Aisah binti Ghazali
Pn. Asiah binti Badiuzaman
Pn. Azlina binti Yahya

Fotografi

En. Rosdin bin Sabni
Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

Reka Bentuk/Pencetak

Marzuq Print & Trading
Tel: 03 6188 1131

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2771 4616 / 4619
Faks : 03-2711 1101
E-mel : pro@kk.gov.my
www.kkr.gov.my

Minda Pengarang

AMARAN MUSIM TENGGUJUH KAWASAN CERUN

Memandangkan musim tengkujuh telah tiba dan hujan berterusan sejak awal bulan ini dan dijangka berterusan sehingga awal tahun hadapan, Kementerian Kerja Raya ingin mengingatkan orang ramai terutamanya pengguna jalan raya dan penghuni di kawasan berbukit dan lereng-lereng bahawa risiko berlakunya tanah runtuh adalah lebih tinggi berbanding pada hari-hari kebiasaan.

Cawangan Cerun Jabatan Kerja Raya telah meminta Jabatan-Jabatan Negeri yang berkenaan termasuk Pejabat-Pejabat Daerah dan juga konsesi-konsesi yang menguruskan jalan raya dan lebuhraya untuk lebih proaktif dan memantau keadaan cerun di bawah selenggara mereka sepenuh masa untuk mengelakkan kejadian tidak dingini seperti mana berlaku di Hulu Langat tidak lama dahulu.

Kementerian juga menasihati orang ramai agar segera melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat tanda-tanda kemungkinan berlaku tanah runtuh dan segera mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengosongkan tempat tinggal serta merta.

Kementerian Kerja Raya akan mengeluarkan panduan tanda-tanda tanah runtuh di media massa utama dalam masa terdekat ini sebagai panduan bagi mengelakkan kemalangan yang tidak diingini.

Bagaimanapun orang ramai boleh mengambil langkah pencegahan awal dengan mengadakan pemeriksaan dan mengawasi perkara berikut:

- i) Membersih saliran air di atas atau di lereng-lereng bukit dan jika ada air bertakung salirkan ke dalam parit yang sedia ada.
- ii) Tentukan parit berada dalam keadaan baik tidak tersekat (oleh pokok-pokok atau sampah) jika struktur longkang konkrit, pastikan longkang tersebut tidak pecah.
- iii) Memerhatikan tanda-tanda awal kegagalan cerun seperti keretakan pada pavement jalan dan tembok penahan. Sekiranya tiang elektrik dan pokok di lereng bukit mulai condong, ia juga merupakan tanda awal akan berlaku keruntuhan cerun.

Semoga orang ramai sentiasa berwaspada dan peka akan situasi ini agar segala kerosakan harta benda dan jiwa dapat diminimalkan sekiranya berlaku sesuatu bencana.

~Pengarang~



INVENTORI CERUN DIJANGKA SIAP MAC 2013

CAMERON HIGHLANDS, 23 September - Sebanyak 21,000 kawasan cerun telah dikenal pasti di seluruh negara iaitu 16,000 atau 76 peratus daripada kawasan cerun adalah di Semenanjung Malaysia, diikuti oleh kira-kira 3,000 di Sabah dan 2000 di Sarawak.

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor berkata usaha pengumpulan inventori cerun itu mampu membantu mengurangkan risiko runtutan dan memudahkan kerja pemuliharaan kawasan berisiko selain dapat menjimatkan kos baik pulih kawasan runtutan. Pengumpulan inventori ini disediakan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2013. Beliau menambah bahawa kawasan di Sabah adalah yang paling sukar kerana landskapnya.

"Data membabitkan perincian keseluruhan cerun termasuk berisiko tinggi, status struktur tanah, lokasi dan kerja membaik pulih disediakan bagi tujuan pemantauan dan pemetaan kawasan cerun yang perlu diberi perhatian serius," katanya.

Beliau turut memaklumkan Kementerian telah membelanjakan RM221.6 juta daripada RM360 juta yang diperuntukkan bagi kerja memulihara cerun, termasuk proses pengumpulan inventori. Beliau berkata demikian sewaktu meninjau kerja baik pulih kawasan runtutan membabitkan kawasan seluas 80 meter panjang dan 50 meter kecerunan di Seksyen 57, Jalan Persekutuan antara Ringlet-Tanah Rata.

Dalam perkembangan berkaitan, terdapat 15 cerun dikenal pasti berisiko di sepanjang Jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang sewaktu lawatan YB. Menteri pada September 2010. 10 daripada cerun telah siap dibaik pulih dengan kos RM84 juta manakala baki lima lagi dijangka selesai akhir tahun ini.



PERSIMPANGAN BERTINGKAT SUNGAI BUAYA DIJANGKA SIAP JUN 2013

BUKIT BERUNTUNG, 7 September - Lebih 120,000 pengguna kenderaan di sekitar Sungai Buaya, Sungai Choh, Serendah dan Rawang Utara di sini, mendapat manfaat daripada Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat Baru Sungai Buaya yang dijangka siap sepenuhnya Jun tahun depan.

Menterinya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor berkata, projek pembinaan jambatan yang dimulakan pada 14 Jun tahun lalu dengan kos RM107 juta itu dapat memendekkan jarak perjalanan penduduk setempat ke ibu kota berbanding menggunakan laluan sedia ada.

"Ketika ini, penduduk di sekitar Sungai Buaya dan Sungai Choh terpaksa menggunakan Persimpangan Bertingkat Bukit Beruntung atau Persimpangan Bertingkat Rawang untuk memasuki Lebuhraya Utara-Selatan. Pembinaan persimpangan baru ini memberi manfaat dengan jarak dan masa perjalanan dipendekkan.

"Ini termasuk penjimatan petrol bagi perjalanan dua hala, selain penjimatan masa bagi perjalanan dua hala iaitu kira-kira 40 minit. Ketika ini perjalanan ke Kuala Lumpur mengambil masa kira-kira satu setengah jam," katanya di sini, semalam. Terdahulu YB. Menteri mengadakan lawatan kerja ke Tapak Projek Persimpangan Bertingkat dan Plaza Tol Sungai Buaya membabitkan empat zon iaitu zon A, B dan C, dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda sejauh satu kilometer.

Menerusi lawatan berpandu itu, Shaziman diberikan penerangan ringkas mengenai status projek persimpangan bertingkat yang sedang dilaksanakan Plus Expressways Berhad (Plus) dengan bantuan kontraktor dengan peratus pembinaan menjangkau 52 peratus siap.

Dengan keupayaan kontraktor menjalankan kerja pembinaan melebihi empat peratus lebih awal dan mendahului jadual ditetapkan sebanyak 40 peratus menyebabkan Kementerian terbabit optimis menyiapkannya pada Jun tahun depan.





MAJLIS MALAM ANUGERAH LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA 2012

KUALA LUMPUR, 25 September - YB. Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor telah meluangkan masa menghadiri majlis perasmian QS International Convention (QSIC) 2012 dan Malam Anugerah Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) yang diadakan di Renaissance Hotel, Kuala Lumpur.

Pada majlis tersebut, YB. Menteri telah menyampaikan anugerah-anugerah seperti berikut :-

Anugerah Emas kepada Tuan Sr. Chua Siow Leng; Anugerah Inspirasi kepada Tuan Sr. Hilmisofli bin Alias; Anugerah Perdana kepada syarikat Perunding NFL Sdn Bhd; Dan Anugerah Inovasi kepada Cawangan Kontrak Ukur Bahan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Di samping itu juga, YBhg. Dato' Sr. Abdull Manaf bin Hashim dan Tuan Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim telah menerima penghargaan di atas perkhidmatan mereka yang melebihi 10 tahun dengan LJBM. Seorang kakitangan LJBM, Puan Junaidah bt Mohd Yusoff pula telah menerima Anugerah Jubli Perak di atas jasa bakti beliau berkhidmat selama 25 tahun bersama LJBM. Majlis ini diakhiri dengan penyampaian permit pendaftaran kepada 15 firma Juruukur Bahan Perunding dan penyampaian sijil pendaftaran kepada 43 Juruukur Bahan Berdaftar.

Diantara tetamu kehormat yang hadir ialah YBhg. Datuk Himmat Singh; Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Seri Ir. Hj Mohd Noor bin Yaakob; Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Prof. Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud; Timbalan Naib Canselor, Universiti Malaya, YBhg. Datuk Ir Hamzah bin Hasan; Pengerusi CIDB dan YBhg. Datuk Dr. Maznah Hamid; Pengerusi Eksekutif, Securiforce Group.





KONVENSYEN KIK KKR 2012

KUALA LUMPUR, 18 Oktober – Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini. Konvensyen ini diadakan selaras dengan Panduan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dikeluarkan oleh MAMPU pada 1 November 2009.

Majlis Perasmian Konvensyen KIK telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Datuk Himmat Singh. Majlis Penutup Konvensyen pula telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KKR, YBhg. Puan Sri Dato' Zaiton Mhad Ali pada sebelah petangnya.

Sebanyak 7 kumpulan telah membuat persembahan KIK dihadapan dua panel hakim iaitu penceramah bebas KIK, Encik Mohd. Tahir Abd. Kapi dan Encik Abdul Majid Ibrahim daripada Jabatan Kecemerlangan Perniagaan (BED), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Kumpulan-kumpulan ini terdiri daripada wakil Jabatan dan Agensi KKR dengan empat kumpulan bertanding dibawah Kategori Teknikal manakala tiga kumpulan dibawah Kategori Pengurusan. Kumpulan yang bertanding adalah B-Staree, Skynet, Warga BS, Reflective, Sukses, Galaksi dan Q'Bestari.





PELANCARAN ALUMNI DAN KOPERASI ABM

KUALA LUMPUR, 11 Sept - Menteri Kerja Raya, YB Dato' Seri Shaziman Abu Mansor telah melancarkan Alumni dan koperasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) semasa majlis Hari Raya Menteri Kerja Raya bersama Alumni ABM dan Penggiat Industri Binaan yang dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) hari ini.

Beliau kagum dengan kejayaan para alumni ABM yang berjaya menunjukkan kepada masyarakat bahawa kerja kolar biru kini boleh dilihat setanding dengan bidang professional.

Sejak penubuhannya pada tahun 1997, ABM telah berjaya melatih lebih daripada 300,000 pekerja di dalam industri berkaitan pembinaan di dalam pelbagai bidang kemahiran teknikal yang terpilih, termasuk pendawaian elektrik, operasi kren, pemasangan perancah atau scaffolding hinggalah kursus kimpalan di dalam industri minyak dan gas. Daripada jumlah yang dilatih, 70,000 adalah belia yang baru tamat persekolahan.

Di dalam ucapannya, YB. Dato' Seri Shaziman telah berkongsi kisah kejayaan alumni ABM sebagai penyuntik semangat kepada para belia yang meminati bidang teknikal dan vokasional tetapi mungkin masih ragu-ragu tentang potensi kerjaya di dalam bidang tersebut.

Malaysia sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, seperti yang digariskan di dalam Program Transformasi Ekonomi Negara atau ETP. Industri pembinaan di dalam negara ini juga sedang pesat membangun. Projek MRT yang bernilai RM36.6 billion sedang bermula, dan Petronas juga sedang dalam perancangan membina Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor yang bernilai RM62 billion. Untuk projek RAPID ini sahaja, 40,000 tenaga mahir di dalam industri Minyak dan Gas diperlukan bagi memastikan projek ini dapat disiapkan pada 2016.

Mengenai Alumni dan Koperasi ABM yang dilancarkan, beliau percaya organisasi tersebut dapat menjadi wadah bagi menyatukan kesemua alumni ABM dan memberi jalinan keakraban yang dapat dimanfaatkan dalam memajukan kerjaya dan juga perniagaan sesama ahli.



SAMBUTAN HARI RAYA KKR

KUALA LUMPUR, 6 Ogos – Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kompleks Kerja Raya hari ini.

Majlis yang bermula pada pukul 12 tengahari ini telah dihadiri Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor, Timbalan Menteri, YB. Dato' Yong Khoon Seng; Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Datuk Himmat Singh; Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Agensi dan pengarah urusan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Hamsa; Ketua Pengarah MAMPU, YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal dan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), YBhg. Datuk Farida Mohd Ali.

Barisan artis terkenal seperti Datuk Khatijah Ibrahim, Salamiah Hassan dan Jamal Abdillah turut memeriahkan lagi sambutan majlis ini dengan nyanyian lagu-lagu yang sentiasa segar dihadapan 5,000 orang tetamu.







MAJLIS DIAMBANG MERDEKA PERINGKAT KKR

KUALA LUMPUR, 30 Ogos – Bersempena dengan Sambutan Bulan Kemerdekaan Malaysia ke-55 Peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR), Majlis Diambang Merdeka telah diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kompleks Kerja Raya hari ini.

Pelbagai acara berteraskan perpaduan dan semangat kenegaraan telah diatur pada majlis tersebut seperti pertandingan lagu dan pendeklamasian sajak patriotik. YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya telah menyampaikan perutusan YAB. Perdana Menteri Malaysia sewaktu pelancaran Jalur Gemilang secara serentak di seluruh negara pada Julai 2012 yang lalu.







GEMILANG RIA AIDILFITRI LLM 2012

KAJANG, 30 Ogos - Majlis Gemilang Ria Aidilfitri Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) 2012 telah diadakan bertempat di Dewan Serbaguna LLM. Majlis tersebut telah menerima kehadiran kira-kira 500 orang tetamu yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan wakil-wakil syarikat konsesi lebuhraya serta mantan pegawai dan kakitangan LLM.

Pada majlis ini juga, LLM telah menerima kunjungan YB. Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor, Menteri Kerja Raya Malaysia sebagai tetamu kehormat. Kehadiran YB. Dato' Seri Menteri Kerja Raya telah disambut oleh YBhg. Datuk Himmat Singh, Ketua Setiausaha Kementerian dan pegawai-pegawai kanan LLM.

Pelbagai jenis juadah yang sinonim dengan sambutan hari raya telah disediakan hasil kerjasama antara bahagian-bahagian dan pejabat wilayah LLM. Majlis yang berlangsung meriah ini dianjurkan bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara sesama warga LLM dan juga para tetamu.





LAWATAN INOVASI KKR KE WESTPORTS MALAYSIA SDN. BHD.

PELABUHAN KELANG, 3 Oktober - Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengadakan lawatan ke Westports Malaysia Sdn. Bhd hari ini. Delegasi lawatan terdiri daripada 27 orang Pegawai Inovasi Bahagian dan wakil dari setiap Bahagian di Kementerian yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat, Puan Fazlina binti Hashim.

Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan tadbir urus terbaik yang dipraktikkan di Westports dari aspek perancangan dan pengurusan korporat, sumber manusia dan teknologi maklumat. Westports Malaysia Sdn. Bhd. dipilih kerana ianya merupakan pelabuhan utama di Asia Tenggara, dan satu antara lima (5) pelabuhan terbaik di dunia dari segi produktiviti. Lawatan ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli delegasi tentang program pembudayaan inovasi dan mekanisme promosi budaya inovasi di kalangan sumber manusia dalaman dan pelanggan kerana Westports juga memegang dua (2) rekod dunia iaitu Khidmat Pelanggan Terbaik dan Majikan Terbaik, selain diiktiraf terbaik dalam Teknologi Maklumat dan Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Sosial Responsibility, CSR).

Ketibaan delegasi lawatan KKR telah disambut oleh Encik Vinod Kallaisilvan, Penolong Pentadbiran, Bahagian Perhubungan Awam, Westport. Lawatan ini bermula dengan tayangan video korporat Westports diikuti dengan taklimat mengenai fungsi dan peranan Westports yang disampaikan oleh Encik Suthahar Kanapathy, Pengurus Kanan, Bahagian Perhubungan Awam, Westports. Delegasi lawatan seterusnya berpeluang untuk melawat ke galeri Westports dan sekitar kawasan pelabuhan.



PENGAWASAN CERUN

Pelajari bagaimana untuk mengawasi kawasan sekitar anda dengan mengenali tanda-tanda awal tanah runtuh




Kementerian Kerja Raya



Cawangan Kejuruteraan Cerun
JKR Malaysia



Hulu Langat 2011
16 nyawa terkorban



Sungai Ruil 2011
16 nyawa terkorban



Bukit Antarabangsa 2008
14 rumah musnah

Bencana tanah runtuh tetap berlaku walaupun pengawasan yang teliti telah dilaksanakan. Tips ini memberi persediaan kepada anda untuk bertindak pantas sekiranya tanah runtuh terjadi. Tindakan anda boleh membezakan antara keselamatan nyawa atau tragedi.

Sebelum Tanah Runtuh

1. Wujudkan dan mulakan sistem amaran awal di kalangan penduduk dalam komuniti anda.
2. Merancang pelan perpindahan. Ketahui cara dan jalan untuk menyelamatkan diri anda dan sekeluarga.

Ketika Tanah Runtuh

1. Maklumkan jiran yang berdekatan. Jiran anda mungkin tidak menyedari bahaya yang berlaku. Tindakan pantas anda mampu menyelamatkan nyawa.
2. Selamatkan diri. Keluar dari kawasan yang terdedah pada tanah runtuh dengan segera. Jika anda berada di rumah sewaktu berlakunya tanah runtuh, cara paling selamat adalah berlindung di bawah objek yang kukuh. Ini bagi mengurangkan kecederaan akibat dihempap objek berbahaya, seperti bumbung rumah.

Selepas Tanah Runtuh

1. Pastikan jika ada individu atau haiwan dalam komuniti anda tercedera atau terperangkap. Anda tidak dibenarkan memasuki kawasan itu, sebaliknya maklumkan kepada pasukan penyelamat.
2. Sedia mendengar arahan daripada pihak berkuasa dan pengurusan bencana untuk perkembangan lanjut.
3. Jauhi kawasan tanah runtuh. Ini kerana runtuhan susulan mungkin boleh berlaku disebabkan oleh tanah yang masih kurang stabil.



Tindakan anda:

Sekiranya berlaku tanah runtuh, hubungi 999 dengan segera. Jika terlihat tanda-tanda kegagalan cerun, hubungi Jabatan Kejuruteraan, Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya di: <http://slopes.jkr.gov.my>



Bonjolan pada kaki cerun atau tembok penahan



Air kelihatan pada permukaan tanah di lokasi baru



Air kelihatan di permukaan cerun



Pagar, tembok penahan, tiang, pokok yang condong atau semakin tumbang



Rekahan di permukaan cerun



Paip di bawah tanah yang rosak

TIP-TIP PENGAWASAN CERUN



Wujudnya keretakan pada permukaan tanah, rumah, bangunan dan struktur-struktur lain



Pintu atau tingkap yang melekat buat pertama kalinya.



Terdapat rekahan yang semakin membesar pada tanah atau permukaan turapan seperti jalan atau laluan kenderaan



Pergerakan tanah atau hakisan kecil



Dinding luar bangunan, laluan atau tangga telah menjadi renggang daripada bangunan asal

